



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (64) 04/09

LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN KE SIDANG KEMUNCAK REAIM 2024 DAN DIALOG PERTAHANAN SEOUL (SDD) 2024

1. **SEOUL, 13 September 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, telah mengetuai delegasi Malaysia di Sidang Kemuncak **Responsible Artificial Intelligence (AI) in the Military Domain (REAIM)** dan Dialog Pertahanan Seoul atau **Seoul Defence Dialogue ke-13 Tahun 2024** yang telah berlangsung dari 8 hingga 12 September 2024 di Seoul, Korea Selatan.
2. **Sidang Kemuncak REAIM 2024** telah mengumpulkan **lebih 90 delegasi dari seluruh dunia** melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang pertahanan dan ketenteraan di peringkat global bagi membincangkan pendekatan berkaitan kecerdasan buatan (AI) untuk diterokai dan diaplikasi dalam bidang ketenteraan. Sidang ini telah berlangsung selama dua hari dengan anjuran bersama melibatkan beberapa negara termasuk Korea, Belanda, Singapura, Kenya, dan United Kingdom di Seoul pada 9 dan 10 September 2024. Antara **intipati utama yang dibincangkan** adalah berkenaan keperluan penetapan norma dan prosedur operasi standard (SOP), kemajuan dan impak AI terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa serta rangka tadbir urus masa depan AI dalam domain ketenteraan dengan pelbagai pihak berkepentingan.
3. YB Menteri Pertahanan kemudiannya mengadakan **pertemuan dua hala dengan Wakil Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Hal Ehwal Perlucutan Senjata, PYT Nakamitsu Izumi** bagi membincangkan pendirian Malaysia mengenai REAIM serta implikasinya terhadap keselamatan antarabangsa. Semasa pertemuan, YB Menteri Pertahanan telah menekankan bahawa PBB sebagai satu-satunya organisasi sejagat yang perlu memastikan wujudnya perbincangan dalam soal AI di peringkatnya, terutamanya bagi mewujudkan rangka kerja yang objektif dan tidak berat sebelah. Semua negara anggota perlu mempunyai akses yang saksama kepada teknologi baharu bagi memastikan tidak wujudnya jurang teknologi antara negara. Usaha untuk pembinaan kapasiti akan memastikan semua negara anggota dapat memanfaatkan kemajuan AI dan teknologi-teknologi baharu yang lain.
4. Pada 11 dan 12 September 2024, YB Menteri Pertahanan juga telah menyertai **Seoul Defense Dialogue (SDD) 2024**. Dialog ini **bertujuan** untuk **memperbaiki persekitaran keselamatan dan mewujudkan kepercayaan ketenteraan di rantau Asia Pasifik. SDD 2024** merupakan pengajuran kali ke-13 yang melibatkan 900 delegasi dan perwakilan dari 64 buah negara.

5. Semasa SDD 2024, YB Menteri Pertahanan telah mengadakan pertemuan dengan menteri pertahanan dari beberapa buah negara. Antara yang terlibat adalah **Menteri Negara bagi Hal Ehwal Pertahanan Emiriah Arab Bersatu (UAE), H.E Mohamed Mubarak Fadhel Al Mazrouei; Menteri Pertahanan Nasional Republik Korea, H.E Kim Yong Hyun; dan Menteri Perolehan Program Pertahanan Korea Selatan, H.E Seok Jong Gun.**
6. Semasa pertemuan, **YB Menteri Pertahanan menyatakan pendirian Malaysia untuk kekal bebas dan berkecuali dalam usaha memastikan kestabilan rantau Asia Tenggara.** Melalui kerjasama pertahanan yang terjalin, Malaysia berupaya mengoptimumkan pelbagai manfaat seperti program “offset”, latihan dan pemindahan teknologi khususnya dalam bidang teknologi kecerdasan buatan (AI). Selain itu, kerjasama ini juga penting dalam **menangani ancaman bukan tradisional yang memerlukan perkongsian risikan rentas negara dan benua.** Hasil pertemuan, **kedua-dua menteri mengulangi komitmen untuk memperkuuhkan hubungan dan menjalankan kerjasama pertahanan dan ketenteraan dua hala melalui pelbagai platform serta pembangunan keupayaan pertahanan negara.**
7. Di penghujung lawatan, YB Menteri Pertahanan telah **mela**wat **Korea Aerospace Industries Ltd (KAI)** dan **Hanwha Aerospace Industries** yang bakal membekalkan 18 unit pesawat tempur FA-50M kepada Kementerian Pertahanan. Lawatan ini **bertujuan untuk melihat sendiri proses pembinaan pesawat tempur ringan FA-50M** dimana kemajuan status semasa projek sehingga Ogos 2024 adalah **sebanyak 39%.** Ia merangkumi keseluruhan fasa pembangunan pesawat dan *Integrated Logistics Support* (ILS) iaitu melibatkan pembangunan simulator dan peralatan dukungan latihan, perolehan alat ganti dan peralatan sokongan serta latihan kepada juruterbang dan anggota kejuruteraan.
8. Semasa lawatan, YB Menteri Pertahanan menyatakan bahawa Malaysia sedia bekerjasama dengan mana-mana negara yang berhasrat untuk berkongsi teknologi strategik pertahanan di samping mengeratkan hubungan dengan pemain industri pertahanan antara kedua-dua negara. Penekanan ini bertujuan memastikan usaha modernisasi aset strategik pertahanan selaras dengan fokus kerajaan terhadap pembangunan industri pertahanan negara.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
13 September 2024